

18/10/2003

Israel musuh keamanan sejagat

Ismail Hashim

NEGARA manakah di rantau Timur Tengah yang menguasai dan menakluki wilayah negara lain? Apakah negara yang bebas membunuh orang awam dengan kejam? Bukan itu saja malah ia begitu berani mencabuli lebih 50 resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)? Jika hendak disenaraikan banyak lagi sikap degil negara ini yang sentiasa melanggar undang-undang antarabangsa serta memiliki senjata pemusnah massa (WMD), tetapi tidak menandatangani Perjanjian Penghapusan Senjata Nuklear serta menolak pemeriksaan pemilikan senjata nuklearnya.

Jawapan kepada semua soalan di atas adalah Israel - yang boleh dianggap negara paling berbahaya dan menggugat keamanan sejagat.

Tidak keterlaluan jika dikatakan ia juga berbahaya buat masa depan Amerika Syarikat (AS) kerana berbilion dolar AS (atau wang pembayar cukainya) mengalir untuk memberikan bantuan kepada Israel lebih 30 tahun lalu.

Kini AS harus mengeluarkan AS\$20 bilion (RM76 bilion) bagi membangunkan Iraq dan ini masih tidak dikira bantuan pembangunan kepada Afghanistan yang masih dinantikan oleh presidennya, Hamid Karzai.

Kalau keadaan semacam ini berterusan AS boleh saja menjadi bankrap. Ia boleh meruntuh dan menjahanamkan ekonomi negara paling berkuasa di dunia sekarang.

Siapa tahu Israel boleh menggantikan AS sebagai kuasa baru dunia? Seorang pendakwah dari Trinidad dan Tobago, Sheikh Imran N Hossien, sewaktu berceramah di Pulau Pinang pada tahun lalu di bawah tajuk "Baitulmaqdis dalam al-Quran" (juga menghasilkan buku di bawah tajuk sama, Jerusalem in the Quran) berpendapat kemungkinan Israel menggantikan AS sebagai kuasa baru dunia adalah sesuatu yang tidak boleh ditolak.

Pendapatnya mungkin sukar dipercayai iaitu sebuah negara kecil seperti Israel boleh menjadi kuasa besar (mungkin saiz negara tidak penting) tetapi memandangkan pengaruh pelobi Yahudi yang mendukung dan menyokong Israel begitu mencengkam dalam pentadbiran Presiden George W Bush dan dunia sekarang (penguasaan ekonomi dan media) apa diramal itu mungkin menjadi kenyataan.

Serangan ke atas Syria menunjukkan bahawa Israel sekarang sedang mengembangkan sayapnya sebagai kuasa baru di Timur Tengah. Pemimpin negara anggota OIC yang berada di Putrajaya harus menyedari hakikat ini.

Ini adalah kesan utama daripada Perang Iraq iaitu Israel muncul sebagai kuasa baru di Asia Barat. Pada masa depan Israel tidak perlu meminta kebenaran daripada AS untuk menyerang sebarang negara Arab (dan Iran) yang menggugat kepentingannya (dan juga AS) di rantau itu. Ia sekadar memaklumkan saja dan Bush akan sedaya upaya mempertahankan segala tindakan rejim pegganas itu.

Berikutan serangan Israel ke atas Damsyik baru-baru ini, kita mengetahui bahawa serangan AS ke atas Iraq tidak ada kena mengena senjata pemusnah besar (WMD), tiada kaitan dengan Al Qaeda ataupun menyemai benih demokrasi di Iraq. Ia berkaitan membina kekuatan bagi Israel. Penyokong Israel sebenarnya adalah arkitek perang Iraq.

Buku bertajuk War on Iraq - Conceived in Israel yang ditulis oleh Stephen J Sniegowski (terbitan Citizen International) menyebut bahawa seorang sejarawan Paul W. Schroeder berkata, apa yang mungkin tidak diperakui ialah alasan dan motif sebenar di sebalik dasar luar AS sekarang (seperti serangan ke atas Iraq - tambahan penulis) ialah keselamatan

Israel.

Jika keselamatan Israel menjadi motif sebenar serangan AS ke atas Iraq ini adalah sesuatu yang unik dalam sejarah dunia. Perkara ini tidak pernah berlaku di kalangan kuasa-kuasa besar dunia dahulu.

Menurut ahli sejarawan itu, ini adalah kali pertama sebuah kuasa besar dunia menjadi proksi kepada sebuah negara kecil. Biasanya perkara yang sebaliknya berlaku. Kita dapat lihat dalam kes serangan Israel ke atas Syria, negara rejim pengganas Yahudi itu cuba mengheret AS ke kancang perang selanjutnya di Asia Barat. Apa yang diinginkan ialah agar kerajaan AS sentiasa bermusuh dengan dunia Islam.

Perkara ini mungkin tidak diketahui rakyat Amerika yang jahil tentang perkara-perkara yang berlaku di luar Amerika. Washington sentiasa menggunakan media sebagai propaganda dan wadah bagi pemesongan fakta terhadap apa yang sebenarnya seperti mengaitkan Islam dan umatnya dengan keganasan.

Seperti yang dijelaskan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Presiden Amerika takut kehilangan undi Yahudi di AS. Begitulah parahnya Amerika, pepat di luar rencung di dalam. Adalah jelas pengaruh Yahudi begitu kuat di AS dan Washington sekadar mengiyakan saja apa yang dilakukan Israel. Jadi siapakah yang berkuasa di AS, kerajaannya yang dipilih rakyat melalui pilihan raya atau negara asing seperti Israel. Ini bermakna pilihan raya atau sistem demokrasi di AS tidak memberikan sebarang makna kepada rakyatnya.

Bayangkan kemenangan Bush bukan ditentukan pilihan raya tetapi melalui mahkamah. Mungkin Ariel Sharon lebih berkuasa daripada Bush dan Presiden AS itu sekadar pak turut. Paul Finley, bekas anggota Senat Amerika dan pengarang buku *They Dare to Speak* pernah berkata permasalahan dan bahaya kepada AS adalah Israel yang secara berkesan mampu mempengaruhi dasar luar AS di Timur Tengah.

Doktrin membentuk Israel sebagai kuasa baru di Timur Tengah ini telah dirancang pada 1996 dalam kertas kerja yang disediakan kepada Perdana Menteri semasa itu, Benjamin Netanyahu oleh sekumpulan tenaga kerja yang terdiri daripada beberapa individu yang kini menduduki jawatan penting di bawah pentadbiran Bush.

Kertas kerja bertajuk *A Clean Break: A New Strategy for Securing the Realm* menyarankan bahawa Israel harus membebaskan dirinya daripada terlalu bergantung kepada AS dalam bantuan ketenteraan dan diplomatik walau dalam keadaan apa sekalipun, sokongan ini akan hanya membatasi dan menghalang Israel daripada mencapai kepentingannya.

Kertas itu disediakan secara bersama oleh Richard Perle, James Colbert, Charles Fairbanks Jr, Douglas Feith, Robert Loewenberg, David Wurmser dan Meyrav Wurmser, menggambarkan Syria sebagai musuh utama Israel, tetapi dalam menuju jalan ke Damsyik mereka harus melalui Baghdad terlebih dahulu.

Malah sebelum tragedi 11 September 2001 (9/11), kepemimpinan di Washington menganjurkan AS melancarkan serangan ke atas Iraq. Peristiwa 9/11 sekadar batu loncatan atau alasan bagi mereka merealisasikan tindakan itu.

Banyak pengulas yang memberikan komen mengenai motif Israel di sebalik serangan AS ke atas Iraq. Contohnya Joshua Micah Marshall, melalui rencananya dalam *Washington Monthly* bertajuk: *Bomb Saddam?* berkata: Bagaimana taksubnya segelintir puak konservatif baru ini (kepemimpinan di Washington sekarang) hingga menjadikan serangan ke atas Iraq sebagai matlamat utama dalam dasar luar AS.

Kathleen dan Bill Christison menulis dalam jurnal edisi elektronik *Counterpunch* berkata: Cadangan peperangan dengan Iraq dirancang atas arahan Israel atau cadangan pembuat dasar AS di mana hasrat utama mereka

ialah mewujudkan suasana yang selamat dan aman untuk Israel adalah sesuatu yang kukuh.

Kalau dikatakan pandangan itu tidak seimbang kaji pula pandangan pengulas berbangsa Yahudi sendiri iaitu Akiva Eldar melalui kolumnya dalam akhbar Ha'aretz yang menyebut bahawa Perle, Feith dan pakar strategi yang seangkatan dengan mereka berada di tengah-tengah antara kesetiaan kepada kerajaan Amerika dan menjaga kepentingan Israel.

Hari ini tiga daripada penasihat utama bekas Perdana Menteri Benjamin Netanyahu iaitu Perle, Feith dan Wurmser menduduki jawatan penting dalam Majlis Dasar Luar AS di bawah pentadbiran Bush. Bahkan mereka dan beberapa pakar strategi lain yang sealiran dengan mereka sudah membantu serangan ke atas Iraq dan sekarang cuba mewujudkan sebahagian daripada impian penubuhan Israel Raya.

Perle berada dalam Lembaga Dasar Pertahanan, Feith berada dalam Jabatan Pertahanan dan Wurmser dalam Jabatan Negara.

Wurmser pembantu utama kepada Setiausaha Rendah Pertahanan, John Bolton yang sebelum sebarang tembakan ditujukan ke atas Iraq telah berjanji kepada Perdana Menteri Israel, Ariel Sharon bahawa Syria adalah sasaran seterusnya.

Pada Februari lalu, Sharon sudah menggesa tindakan ke atas Syria. Dalam pertemuan dengan perwakilan kongres AS, Sharon memberitahu mereka bahawa:

"Selepas Iraq, Iran, Libya dan Syria harus dilucutkan daripada memiliki WMD. Mereka adalah negara yang tidak bertanggungjawab dan tindakan Amerika yang berjaya di Iraq harus dijadikan model supaya usaha lain mudah dicapai," kata Sharon kepada perwakilan Kongres Amerika itu.

Sharon memberitahu ahli Kongres itu walaupun Israel tidak terbabit dalam peperangan dengan Iraq tetapi tindakan AS begitu penting bagi Israel.

AS mungkin tidak ingin terbabit dalam sebarang peperangan lagi di Timur Tengah tetapi ia tidak boleh mengawal Israel lagi yang kini boleh bertindak sendiri malah pengaruhnya begitu besar dalam pentadbiran Bush.

Presiden Bush seolah-olah menjadi boneka kepada percaturan mereka yang pro-Israel di Washington. Jika dikaitkan dengan impian Israel Raya maka ia semakin menjadi kenyataan. Ini kerana Israel tidak berhasrat untuk mewujudkan keamanan di Timur Tengah selagi hasratnya itu tidak tercapai. Bagaimanapun negara OIC harus melihat kepada beberapa faktor kenapa penulis mengatakan hasrat atau impian itu semakin menjadi kenyataan walaupun kita tidak inginkan peperangan.

Faktor pertama ialah kelemahan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu terutamanya dalam berhadapan dengan konflik Timur Tengah (Israel-Palestin), penaklukan AS ke atas Afghanistan dan perang Iraq.

Kita dapat lihat pembahagian kuasa yang tidak seimbang dan berat sebelah dalam Majlis Keselamatan dengan negara berkuasa saja yang mempunyai kuasa veto dan resolusi yang dikeluarkan Perhimpunan Agung PBB tidak mempunyai sebarang makna lagi kerana AS, Britain dan Israel tidak akan mempedulikannya.

Dunia semacam terpaku apabila AS membelakangi PBB dalam peperangan ke atas Iraq. Dunia sekadar menjadi penonton televisyen apabila pengganas Yahudi mengganyang penduduk Palestin. Di mana PBB sewaktu dunia memerlukannya? Majlis Keselamatan pun tidak dapat berbuat apa-apa.

Dengan menyedari bahawa PBB sebagai badan dunia yang tidak dapat menegakkan keadilan atau berada dalam kedudukan yang tidak berwibawa untuk membawa keamanan sejagat, beberapa cadangan dikemukakan seperti pembaharuan PBB dan Majlis Keselamatan dengan memberikan kuasa pembatal kepada beberapa negara sedang membangun (termasuk negara Islam). Atau menghapuskan kuasa pembatal yang dimiliki lima negara anggota tetap (Amerika, Great Britain, Perancis, China dan Russia) di Majlis Keselamatan.

Tetapi negara atau badan manakah yang dapat melakukan pembaharuan atau mengorak langkah ke arah pembaharuan PBB? Kelemahan PBB sekarang merupakan antara punca kepada konflik di Asia Barat.

Kedua, dunia mengaku bahawa Israel tidak sepatutnya menduduki tanah Arab dan terus membunuh penduduk Palestin yang tidak berdosa. Dunia juga mengaku bahawa AS tidak perlu menaja keganasan, menyokong pendudukan dan keganasan yang dilakukan Israel.

Tetapi dunia atau masyarakat antarabangsa yang dengan cepat menamatkan pendudukan Iraq ke atas Kuwait tidak mempunyai kuasa atau cara bagaimana membantu puluhan ribu penduduk Palestin yang teraniaya daripada keganasan Yahudi.

Ketidakupayaan dunia untuk membuat demikian telah membawa kepada lebih banyak tindakan keganasan ke atas penduduk Palestin dan Israel terus menguasai wilayahnya.

Faktor kedua ini akan membawa kepada banyak pertumpahan darah di Timur Tengah meskipun seluruh dunia berharap perubahan akan berlaku atau wujudnya keamanan.

Ketiga, ketidakupayaan negara dan umat Islam (dan kelemahan OIC juga) untuk merubah kedudukan mereka daripada menjadi sasaran AS dan Israel kepada suatu blok penyatuan yang kukuh seperti yang sekarang dicadangkan dalam OIC. Jika negara Islam gagal bertindak sebagai sebuah entiti yang kuat maka semuanya akan terus diperkotak katikkan dan menjadi hamba kepada AS sekutu kuat Israel.

Hakikatnya sekarang ini pencarian kepada jalan penyelesaian dalam konflik di Timur Tengah diberikan kepada AS (tidak kepada PBB atau OIC) yang tidak pernah mencari jalan penyelesaian dengan ikhlas kepada konflik Israel-Palestin. Bagaimanakah perdamaian dapat dicapai, jika AS sentiasa melakarkan pelan damai Timur Tengah yang hanya memanfaatkan rejim Yahudi itu.